

Analisis Kandungan Rupabentuk Fesyen Pakaian Melayu di Malaysia

Hasma Ahmad

Jabatan Seni Reka Fesyen, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM
hasma_ahmad@yahoo.com

Prof Dr Haji D'Zul Haimi Md Zain

Jabatan Pengajian Budaya Visual, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM
dzul@salam.uitm.edu.my

Dr Rosita Mohd Tajuddin

Jabatan Seni Reka Fesyen, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM
rositatajuddin@salam.uitm.edu.my

Nazirah Mohamad Ba'ai

Jabatan Seni Reka Logam Kontem

porari, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM
nazirahbaai@gmail.com

ABSTRAK

Pakaian Melayu adalah salah satu objek budaya yang merupakan 'rekabentuk' baru Melayu terhadap identiti dan budaya. Penampilan ini atau identiti menandakan unsur simbolik atau semiotik dalam pakaian yang menunjukkan asal-usul pemakainya dengan membawa maksud tersirat yang menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan budaya serta nilai-nilai murni masyarakat Melayu. Pakaian tradisional Melayu seringkali menjadi topik utama dalam kajian merangkumi aspek sejarah dan perkembangannya, rekabentuk, fungsi dan pembuatannya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisa dan mengulas kandungan penyelidikan yang telah dijalankan bagi mengetahui apa yang perlu diketahui bagi merungkai kekurangan dan persoalan merujuk kepada faktor-faktor dan kesinambungan interpretasi tafsiran makna dalam penampilan rupabentuk fesyen pakaian Melayu melalui nilai-nilai budaya dalam gaya dan fesyen pakaian wanita Melayu di Semenanjung Malaysia. Objektif kajian adalah untuk menganalisa, mengulas dan melaporkan penulisan penyelidikan yang diterbitkan dalam persekitaran sains sosial dan berhubungkait dalam bidang fesyen pakaian Melayu. Mekanisme kajian ini menggunakan kaedah analisa kandungan (*content analysis*) terhadap penulisan kajian yang berkaitan nilai-nilai murni, perkembangan budaya, kajian yang melibatkan seni warisan Melayu dan perubahan dalam masyarakat orang-orang Melayu Malaysia yang memfokuskan kepada kepada kata kunci atau tema yang berkaitan. Dapatan kajian ini melaporkan mengenai isu penyelidikan berkaitan perubahan dan perkembangan budaya dan nilai-nilai murni orang-orang Melayu yang merangkumi bidang kesusasteraan, kepimpinan, seni tradisi yang menyumbang kepada nilai-nilai dalaman (*intrinsic*) fesyen pakaian Melayu di Malaysia yang memerlukan tafsiran maksud tersirat yang lebih jelas bagi melengkapi makna sebenar berlakunya perubahan dalam fesyen pakaian Melayu di Malaysia. Analisa ini membantu memperlihatkan signifikansi dan mencadangkan lebih banyak isu berkaitan kebudayaan, seni tradisi atau perubahan sosial orang-orang Melayu untuk tujuan pengajian, pendidikan dan penyelidikan lanjutan.

Kata Kunci: Analisis kandungan, fesyen pakaian Melayu, Malaysia.

PENGENALAN

Fesyen kini bersifat antarabangsa, global, dipengaruhi oleh trend dan mampu mengubah seluruh dunia, yang dipengaruhi oleh filem, seni, perlancongan, dan internet. Ini adalah merupakan salah satu lagi bentuk produk budaya sebagai perhubungan dengan masyarakat luar (Caze, 2011). Manakala budaya pula dikenali menerusi peristiwa dan perlakuan manusia dan masyarakatnya. Pakaian merupakan salah satu objek atau bahan yang melambangkan keperibadian bangsa (Siti Zainon Ismail, 2006).

Nilai-nilai budaya dan gaya adalah merupakan elemen untuk panduan bagi keseluruhan sesuatu penampilan yang khusus di dalam proses analisis visual. Kaiser (1990) menyatakan bahawa, makna dan penampilan dalam berpakaian adalah dipengaruhi oleh budaya sebagai panduan yang asas. Ini merujuk kepada wujudnya perbezaan di antara kualiti dan ciri-ciri rupa dan gaya yang merupakan salah satu kaedah dalam konteks sosial untuk memperjelaskan di antara penampilan dan ketrampilan.

Perubahan sesuatu penampilan dalam berpakaian membentuk perubahan sosial dan budaya di dalam sesebuah masyarakat seperti Melayu khususnya di Malaysia. Ini kerana pada dasarnya setiap perubahan dalam fesyen berpakaian menunjukkan tafsiran makna dengan dorongan sebab-sebab yang tertentu terutamanya dalam pakaian wanita Melayu.

Industri fesyen kini semakin berkembang pesat kerana keperluan dan permintaan pengguna yang mementingkan imej diri dan sebagai suatu kepuasan di dalam penampilan. Tindakan ini juga merupakan salah satu petunjuk bahawa terdapat keperluan di kalangan pengguna Malaysia, iaitu keinginan untuk berkomunikasi dengan lebih baik dalam kehidupan seharian, terutamanya yang terlibat sepenuhnya di dalam dunia fesyen. Oleh yang demikian, memahami makna penampilan fesyen berpakaian mengikut perubahan berlandaskan sejarah adalah merupakan asas utama mencerminkan dan membangunkan identiti melalui pengaruh tertentu dalam konteks sosial yang berbeza.

Wolfendale (2011) juga berpendapat, fesyen adalah sebahagian tumpuan yang bukan sahaja mencerminkan jati diri, tetapi juga sebagai salah satu kaedah untuk memperkenalkan diri dalam sesebuah masyarakat yang melibatkan sesebuah kumpulan, perpaduan, kesaksamaan dan keadilan. Dalam erti kata lain, fesyen mencerminkan identiti sebenar sesebuah masyarakat atau tamadun. Ini kerana fesyen lampau memainkan peranan penting dalam membentuk sosial dan menjadi ikutan secara berterusan dalam sesebuah masyarakat (Pannabecker, 1997).

Sehubungan dengan itu, pakaian tradisional Melayu seringkali menjadi topik utama dalam kajian merangkumi aspek sejarah dan perkembangannya, rekabentuk, fungsi dan pembuatannya. Data kajian ini lebih mengutamakan kepada data utama (*primary data*) seperti penulisan kajian berbentuk jurnal dan artikel disamping lain-lain literatur yang mempunyai perkaitan bagi menjalankan kajian peringkat seterusnya berkaitan fesyen pakaian Melayu.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisa dan mengulas kandungan penyelidikan yang telah dijalankan bagi mengetahui apa yang perlu diketahui bagi merungkai kekurangan dan persoalan merujuk kepada faktor-faktor dan kesinambungan interpretasi tafsiran makna dalam penampilan rupabentuk fesyen pakaian Melayu melalui nilai-nilai budaya yang khususnya dalam gaya dan fesyen pakaian wanita Melayu di Semenanjung Malaysia. Objektif kajian adalah untuk menganalisa, mengulas dan melaporkan penulisan penyelidikan yang diterbitkan dalam

persekitaran sains sosial dan berhubungkait dalam fesyen pakaian Melayu. Mekanisme kajian ini menggunakan kaedah analisa kandungan (*content analysis*) terhadap penulisan kajian yang berkaitan nilai-nilai murni, perkembangan budaya, seni warisan Melayu dan perubahan dalam masyarakat orang-orang Melayu Malaysia.

Dapatan kajian ini melaporkan mengenai isu penyelidikan berkaitan perubahan dan perkembangan budaya dan nilai-nilai murni orang-orang Melayu yang merangkumi bidang kesusasteraan, kepimpinan, seni tradisi yang menyumbang kepada nilai-nilai dalaman (*intrinsic*) fesyen pakaian Melayu di Malaysia yang memerlukan tafsiran maksud tersirat yang lebih jelas bagi melengkapinya makna sebenar berlakunya perubahan dalam fesyen pakaian Melayu di Malaysia. Analisa ini membantu memperlihatkan signifikansi dan mencadangkan lebih banyak isu berkaitan kebudayaan, seni tradisi atau perubahan sosial orang-orang Melayu untuk tujuan pengajian, pendidikan dan penyelidikan lanjutan.

TINJAUAN LITERATUR

Alam Melayu di Malaysia adalah struktur hubungan pelbagai kaum di dalam sosio-budaya dan tradisi adat resam yang mempunyai hubungan politik antara negara-negara di dunia sejak dari peringkat awal penjajahan British, dari selatan-timur Semenanjung Asia ke Sabah dan negara Serawak di Pulau Borneo / Kalimantan (Bagoes Wiryomartono, 2013).

"Melayu" sejati adalah hidup dalam budaya, iaitu sebagai seorang muslim, bercakap bahasa Melayu, dan mematuhi adab dan adat tradisi Melayu (Abd. Razak Kamaruddin, Kamarulzaman Kamarudin, 2009). Abdul Hadi Haji Hasan (1952) pula berpendapat, hasil percampuran lain-lain bangsa terutamanya Hindu dengan nenek moyang orang Melayu yang menjadikan wujudnya bangsa Melayu di 'Alam Melayu'. Manakala, menerusi kamus orang bangsa Eropah 'Melayu' adalah satu nama bangsa yang bermaksud 'Melayulah' kelompok atau suku kaum pertama di kalangan rumpun Melayu yang dikenalpasti oleh orang Eropah (Mohd Arof Ishak, 2015). Sebagai penyelidik fesyen Hanisa Hassan, Biranul Anas Zaman dan Imam Santosa (2013) mendapati, di dalam era alam Melayu, walaupun mirip wajah atau warna kulit bercirikan Melayu, Melayu pada dasarnya lebih dikenali melalui penampilan mereka terutamanya cara pemadanan pakaian yang digayakan. Tetapi di dalam era penjajahan di bawah jajahan British (1824-1957), pakaian bagi orang-orang di bandar telah diserapkan dengan elemen pakaian barat dan fesyen sebegini telah tiada lagi gambaran simbolik dan makna yang sinonim dalam adat Melayu (Saemah Yusof, 2014).

Masyarakat Melayu tempatan di era Pra-Kolonial pula digambarkan oleh Mizushima, Tsukasa (1992) seperti hidup di dalam satu kawasan atau daerah yang diperintah mempunyai tiga dunia yang berbeza yang merangkumi alam suci, rohani, dan sekular, yang berinteraksi dengan satu sama lain. Walau bagaimanapun, pada abad kesembilan belas identiti orang Melayu tidak melambangkan dunia Melayu sebenar dan keadaan ini membawa kepada pembentukan jumlah masyarakat yang lebih besar yang sukar untuk dikenalpasti. Fenomena ini mungkin juga disebabkan oleh campuran pelbagai budaya yang berlaku di dalam dan di antara masyarakat.

'Rupabentuk' baru Melayu ialah pakaian yang merupakan salah satu objek budaya dikenali sebagai identiti dan budaya baru. Pakaian juga merupakan hubungan antara kepercayaan dan keagamaan, meningkatkan keyakinan diri, melambangkan profesionalisme, budaya, identiti, kedudukan sosial, dan sebagainya dengan nilai-nilai murni (Hanisa Hassan, Binarul Anas Zaman, dan Imam Santosa, 2015), sebagai keperluan harian yang penting dan berharga, merangkumi emosi atau fizikal (Nazlina Shaari, Fumio Terauchi, Mitsunori Kubo dan Hiroyuli Aoki, 2002). Selain itu, pakaian juga penting sebagai sumber maklumat untuk memahami penggunaan pakaian di kalangan wanita Islam di Malaysia (Syadiyah Abdul Shukor, 2013). Pakaian juga merupakan salah satu objek budaya dalam suatu masa dan keadaan, dan mudah untuk disesuaikan dengan tempat



dan era, mengikut perubahan budaya, ekonomi dan juga transformasi sosial tertentu (Scardi, 2011). Hanisa Hassan, et al. (2015) yang merujuk kepada Honingmann menyatakan bahawa sebarang idea, aktiviti dan artifak adalah bentuk teori budaya manakala adaptasi manusia dan perubahan positif digunakan sebagai objek budaya dengan mencadangkan pakaian berfungsi sebagai objek budaya melalui perkembangan dalam sistem sosio-budaya dari satu negara ke negara lain.

Pakaian merupakan 'warisan fizikal' sebagai objek atau barangan yang dihasilkan di alam Melayu haruslah menepati ciri-ciri kesenian seperti ciri kehalusan, elok, cantik dan menarik yang kelihatan sempurna sewajarnya, serta merangkumi ciri-ciri elemen dan prinsip kesenian, (Rahmah Bujang, Nor Azlin Hamidon, 2008) yang bersesuaian dengan keperluannya. Ini kerana, objek yang terhasil merupakan gambaran keseluruhan proses objek seni rupa Melayu yang secara langsungnya menggambarkan pencipta dan masyarakat sekelilingnya, (Rahmah Bujang, Nor Azlin Hamidon, 2008).

Fesyen pakaian Melayu pula, merujuk kepada golongan masyarakat Barat Malaysia yang mengutamakan adab dan cara penampilan dalam berpakaian. Penampilan atau identiti ini adalah merupakan unsur simbolik atau semiotik dalam pakaian yang menggambarkan asal-usul pemakaiannya. Orang Melayu terkenal dengan pakaian yang unik, terutama pakaian adat istiadat. Fesyen lelaki Melayu mempunyai pelbagai rekabentuk pakaian dengan menggunakan nama-nama yang klasik seperti baju kurung Cekak Musang, baju kurung Telok Belanga, baju Sikap, baju Putera Raja, baju Takwa yang boleh dipadankan dengan seluar seperti seluar Aceh Rosak, seluar Potong Cina, seluar Sampak dan seluar Pantaloons. Asliza Aris (2014) menegaskan bahawa orang Melayu kebiasaannya akan menggambarkan kehidupan, citarasa dan kedudukan yang baik dengan menggunakan simbolik makna sebagai metafora melalui cara berpakaian mereka. Fesyen wanita juga telah berubah dari balutan ringkas atau kewan kepada pakaian yang lebih sempurna, seperti baju kebaya, baju kurung dan baju Riau Pahang. Jelasnya, fesyen di dalam pakaian adalah merupakan penampilan gaya dan perhiasan badan dan perubahan fesyen adalah satu proses yang berterusan (Venkatesh, Joy, F. Sherry Jr. & Deschenes, 2010).

Gaya adalah salah satu cara atau jenis penampilan dalam ketrampilan diri yang menjelaskan makna yang mempunyai hubungkaitan dan kepentingan (Kaiser, 1990) di dalam senario fesyen orang Melayu di Malaysia. Di samping itu, fesyen adalah sebahagian daripada kehidupan untuk membentuk penampilan (Caze, 2011). Ini kerana interaksi dan pengaruh luar berfungsi sebagai interaksi sosial dalam perkembangan dan perubahan pakaian (Kaiser, 1990). Perubahan ini merujuk sebagai kitaran dalam rekabentuk dan gaya berpakaian yang sentiasa berlaku dalam semua budaya termasuk orang Melayu (Hanisa Hassan, et al. 2015). Gaya akan tampil lengkap dan kelihatan sopan dengan padanan aksesori dan dandanan pada setiap orang Melayu. Pakaian dan aksesori masa lalu adalah merupakan bahan objek daripada metafora, simbol dan kepercayaan dengan 'sistem etika' (Rahmah Bujang, Nor Azlin Hamidon, 2008) pada pakaian tertentu bagi menentukan kedudukan sosial atau hirarki dalam identiti masyarakat Melayu (Hanisa Hassan, et al. 2013).

Metafora di dalam alam Melayu secara tidak langsung telah digunakan dengan meluasnya, untuk menggambarkan sesuatu. Kesusasteraan Melayu dan arkib sejarah adalah bukti pentingnya metafora yang digunakan untuk menggambarkan pakaian wanita (Hanisa Hassan et al. 2013). Melayu kontemporari dalam era pasca tradisional pula berpendapat bahawa metafora dan simbol dilihat sebagai alat dalam mencerminkan sesuatu makna dan identiti. Hanisa Hassan, et al. (2013) percaya bahawa kehidupan wanita Melayu pada masa kini adalah lebih mencabar untuk dirinya sebagai orang Islam, Melayu dan individu yang moden. Masyarakat Melayu global dikatakan telah menghasilkan pakaian orang Melayu yang tidak lagi unik dengan pelbagai unsur peniruan yang menghilangkan atau sangat kurang identiti dan nilai-nilai simbol tradisional, metafora atau makna yang pada dasarnya seringkali dilihat dalam budaya Melayu. Ini kerana generasi baru ini percaya



bahawa persefahaman dan penghormatan terhadap agama atau adat tidak boleh ditentukan secara langsung dengan penampilan terhadap pakaian tetapi yang paling penting adalah apa yang mereka percaya dan yang akan terus kekal digunakan semasa majlis-majlis yang berkaitan Melayu pada masa kini (Hanisa Hassan et al. 2013). Hasil kajian, menunjukkan bahawa secara praktikal ataupun pragmatik bukan sahaja mampu mengubah rupa sesuatu fizikal tetapi juga mampu mengubah cara berfikir terhadap apresiasi nilai fesyen pakaian Melayu khususnya.

Secara umumnya dari aspek kesenian Melayu, rupabentuk fesyen pakaian Melayu adalah merupakan seni rupa tiga dimensi yang memenuhi pelbagai tuntutan dan keperluan orang Melayu. Dengan kata lain, objek seni rupa Melayu ini milik bangsa Melayu yang membawa jiwa budayanya (Rahmah Bujang, Nor Azlin Hamidon, 2008). Tetapi ternyata perubahan sistem kepercayaan turut memberi kesan kepada etika dan nilai dalam perubahan cara hidup Melayu. Kesannya semakin ketara apabila berlakunya pula penjajahan fizikal dan mental di samping perubahan sistem kepercayaan yang memberi impak kepada seni rupa Melayu di dalam memenuhi tuntutan estetika Melayu iaitu prinsip kehalusan, sesesuaian dan keseimbangan (Rahmah Bujang, Nor Azlin Hamidon, 2008).

Kajian terhadap peranan estetika juga perlu dipelbagaikan kerana ianya adalah sebahagian perubahan arus kemodenan (Venkatesh, et al. 2010). Estetik adalah kandungan asas bagi nilai-nilai, norma dan gaya hidup yang mencabar untuk melindungi budaya generasi moden (Samsudin A.Rahim, Latiffah Pawanteh, 2010). Ini berlaku apabila fesyen berjaya disebarkan secara meluas dan digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi di dalam membentuk indentiti sesebuah masyarakat (Saviolo & Testa, S, 2002).

Oleh itu, perbincangan kajian dari pelbagai latarbelakang penyelidik secara logiknya, mampu menggambarkan pelbagai aspek yang menyumbang kepada perubahan yang berlaku di alam Melayu di dalam pencarian untuk mengetahui perkara yang perlu diketahui dan kajian itu seharusnya meliputi dan mempunyai hubungan bidang lain (Lee Yok Fee, 2009).

KAEDAH KAJIAN DAN ANALISIS KANDUNGAN

Tinjauan dan ulasan literatur memainkan peranan yang penting dalam penyelidikan sastera sejarah khususnya bagi menghasilkan penyelidikan yang lebih bermakna kerana ianya melibatkan pelbagai jenis kategori penyelidikan. Literatur adalah sumber utama untuk mengumpul data sebagai maklumat kajian berbanding instrumen yang lain. Bahan bertulis iaitu '*primary information*' (Chua Yan Piaw, 2012) adalah maklumat utama yang digunakan sebagai sumber rujukan dalam kajian literatur ini termasuk dokumen rasmi seperti artikel, jurnal dan laporan penyelidikan. Secara umumnya, data penyelidikan tersebut telah dianalisis dan disintesis untuk menentukan keaslian dengan kritikan dalaman dan luaran.

Fokus kandungan analisis ini adalah merujuk kepada kata kunci atau tema penulisan kajian yang berkaitan nilai-nilai murni, perkembangan budaya, kajian yang melibatkan seni warisan Melayu dan perubahan dalam masyarakat orang-orang Melayu Malaysia khusus untuk melihat perkaitan dalam elemen persepsi atau rupabentuk dan gaya fesyen pakaian Melayu di Malaysia. Proses analisis data melibatkan ulasan yang logik bagi menyampaikan data dan membuat tafsiran secara menyeluruh daripada data. Kaedah analisis kandungan ini melibatkan beberapa proses seperti menyusun dan menyediakan data untuk analisis, membaca semua data, dan mula analisis terperinci (Creswell, 2009).

Tafsiran dalam penyelidikan kualitatif ini adalah fleksibel kerana boleh dilihat dan disesuaikan dengan mana-mana rekabentuk kajian yang telah dijalankan sebelumnya (Creswell, 2009). Ini adalah kerana, bidang antara disiplin yang melibatkan kajian fesyen dan budaya



memerlukan perspektif yang berbeza dari pelbagai bidang seperti teori, kaedah dan cara penyelidikan, untuk kajian berkaitan fesyen dan tradisi dengan lebih berkesan.

Pakaian merupakan seni rupa Melayu yang merangkumi sikap manusia dan budaya material (*material culture*) diteguhkan dengan hubungan dua hala yang mempengaruhi antara satu sama lain.

PENEMUAN AWAL DAN ULASAN

Melayu Semenanjung Malaysia

Malaysia adalah institusi sebuah negara persekutuan Islam pada lewat 1970-an terdiri daripada Semenanjung Malaysia sebagai Malaysia Barat dan Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak (Suraini Mohd Rhouse, 2013). Di Semenanjung Malaysia terdapat negeri-negeri sebelas dikenali sebagai Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu (Suraini Mohd Rhouse, 2013). Malaysia adalah sebuah negara persekutuan pelbagai budaya yang kaya dengan pelbagai perayaan dengan mempunyai tiga masyarakat etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India dan berlainan identiti yang dicerminkan menerusi bahasa, cara berpakaian, adat, dan gaya hidup (Suraini Mohd Rhouse 2013). Orang Melayu adalah merupakan etnik utama dan mengangkat diri mereka sebagai Bumiputera, atau dikenali sebagai "*sons of the soil*". Adat dalam masyarakat Melayu adalah satu garis panduan kepada nilai-nilai murni, amalan atau norma harian dan berbudi bahasa serta sopan santun (Suraini Mohd Rhouse, 2013). Malaysia Barat menyambut kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 sebelum perlembagaan Komanwel Bangsa-bangsa Bersatu bersama dengan Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) pada 16 September 1963, yang membawa kepada pembentukan Persekutuan Malaysia (Suraini Mohd Rhouse, 2013). Sejak itu, bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa perantaraan, manakala Sabah dan Sarawak mengekalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama (Suraini Mohd Rhouse, 2013). Walau bagaimanapun, sistem politik dan ekonomi Barat terus menguasai dan membentuk Malaysia sejak awal penjajahan (Suraini Mohd Rhouse, 2013).

Bahasa Melayu digunakan secara meluas di seluruh Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur kerana persamaan dalam budaya dan adat di seluruh Kepulauan Melayu (Azizi Bahauddin, 2002). Secara umumnya, orang Melayu telah melalui banyak fasa perubahan budaya melalui peristiwa-peristiwa bersejarah dalam organisasi politik, ekonomi dan sosial yang telah dirancang untuk melindungi masyarakat Melayu (Azizi Bahauddin, 2002). Namun, awal tahun 1900, Malaysia mempunyai kesukaran dalam membentuk identiti budaya, kerana terperangkap di antara budaya tempatan dan budaya asing hasil daripada hubungan diplomatik ataupun perdagangan (Azizi Bahauddin, 2002). Memahami peristiwa di dalam sejarah Melayu sebagai pembangunan identiti budaya telah menguatkan tafsiran dan interpretasi simbolik makna yang terdapat dalam metafora untuk karya seni di dalam kesenian Melayu.

Secara tradisinya, orang Melayu juga boleh diiktiraf dengan mudahnya melalui penampilan mereka dalam berpakaian (Hanisa Hassan, et al. 2013). Tetapi interaksi di bawah penjajahan British pada tahun 1824 sehingga tahun 1957 pakaian tradisional telah diserapkan dengan unsur-unsur budaya pakaian barat semasa penjajahan. Ini mungkin mengubah pandangan rakyat terhadap tradisionalisme di mana kebanyakan orang ingin menjadi lebih praktikal dan bukannya sentimental (Hanisa Hassan, et al. 2013). Pendedahan dalam fesyen juga telah mengajak masyarakat untuk memberi lebih perhatian dalam imej diri sebagai keperluan yang menjadi keinginan, sama ada di kalangan profesional, sosialit atau rakyat biasa, untuk pelbagai isyarat komunikasi (Hanisa Hassan, et al. 2015). Contohnya, seperti kajian untuk memperkenalkan diri mereka sebagai orang Islam, Melayu dan individu moden mendapati bahawa mereka tidak lagi

dikenalpasti sebagai kumpulan etnik tertentu ataupun ditentukan berdasarkan pakaian yang dipakai tetapi pada dasarnya lebih kepada apa yang mereka fikirkan dan secara kolektifnya mereka dilihat dalam budaya yang sejagat.

Kehadiran British di Alam Melayu mendapati terdapat persamaan dan perbezaan di antara sistem politik yang juga dibawa ke negara ini pada kurun yang kesembilan belas diawal penjajahan British (Lopez, 2001). Pemahaman terhadap perkara ini adalah satu peluang untuk melihat pelbagai kategori, cara persefahaman yang tidak dinyatakan di dalam pandangan dunia Melayu. Lopez (2001) menyediakan struktur analisis atau "*theoretical construct*" bagi menunjukkan pertemuan dua tradisi ketamadunan: kehadiran British di Alam Melayu dan ringkasan bentuk pemerintah British atau "*British Colonial Rule*". Ini adalah penting untuk disesuaikan dengan penulisan dalam sejarah Melayu bagi menggambarkan keseluruhan sejarah ringkas kehidupan di Dunia Melayu sebelum kedatangan British (Lopez, 2001).

Manakala, sebagai sumbangan kepada teori alam bina (*theory of the built environment*) oleh Bagoes Wiryomartono (2013) yang menerokai dan mengkaji fenomena "*sense of place*" di dunia Melayu dan yang membawa maksud Malaysia sebagai tempat kediaman yang mempunyai kepelbagaian sosio budaya dan asal usul sejarah sesebuah masyarakat. Hubungan politik di antara negara yang melibatkan pelbagai golongan masyarakat sejak di awal pemerintahan di tanah jajahan British, juga menyebabkan konsep identiti menjadi bertambah rumit kerana peningkatan jumlah penduduk dari pelbagai budaya (Bagoes Wiryomartono, 2013).

Berikutan ini, Asliza Aris (2014) juga bersetuju bahawa dunia tanpa sempadan membolehkan sebarang pengaruh dari luar menerusi penjajahan, persatuan politik, peperangan dan perdagangan. Contohnya seperti pengaruh dari Great Britain (1800s-1950s), Jepun (Perang Dunia Ke-dua), Arab dan Negara-negara Timur tengah, India dan China (semasa Kesultanan Melayu Melaka).

Oleh yang demikian, pengalaman ini juga telah menambah nilai kemahiran orang Melayu setelah diadaptasi dan diolah dengan penerapan beberapa elemen dan ciri-ciri tertentu dari pengaruh luar dalam gaya hidup orang Melayu. Perubahan dan pertumbuhan ini telah menyumbang kepada perubahan dalam pemikiran dan meningkatkan peluang untuk bersaing dalam setiap bidang. Sebagai contoh, melalui pemahaman ini Asliza Aris (2014) membuktikan bahawa karektor dan ciri-ciri tertentu Baju Kurung dapat dikenalpasti dari perspektif sejarah Melayu menerusi kajian yang telah beliau jalankan.

Md Azlanshah Md Syed melihat bahawa, perundingan dan rundingan semula pada masa lampau untuk kemodenan Malaysia adalah melibatkan pelbagai proses dan dihakimi melalui perspektif tradisi. Kemodenan mempunyai pelbagai bentuk makna yang sering berubah dalam konteks yang berbeza (Md Azlanshah Md Syed, 2011). Sebagai penghargaan, kita mesti memberi penekanan kepada bagaimana kemodenan diterima dan dikonsepskan dalam konteks budaya tempatan. Beliau juga berpendapat, ini adalah penting untuk mengenalpasti fenomena budaya yang juga berhadapan dengan hujahan yang luas merujuk kepada kewujudan bentuk 'pembaharuan alternatif' di Malaysia berkaitan dengan pembaharuan dan kemodenan.

Fesyen Pakaian Melayu

Sejarah pakaian adalah berkait rapat dengan sejarah bangsa manusia. Ini kerana, pakaian adalah sangat berkaitan dengan fesyen (Saviolo & Testa, 2002). Fesyen adalah sebahagian daripada kehidupan dalam membentuk penampilan dan juga menjadi sebagai alat untuk manusia berkomunikasi yang beridentiti melalui tubuh badan mereka (Saviolo & Testa, S, 2002). Pakaian dibuat atas sebab-sebab yang sangat asas seperti keperluan untuk perlindungan terhadap



sesuatu unsur, kesopanan, kecenderongan untuk menarik perhatian, dan identifikasi sosial (Saviolo & Testa, 2002). Secara semulajadinya, dalam keinginan berfesyen wanita lebih berkeinginan untuk kelihatan lebih menarik berbanding kaum lelaki yang berkeinginan untuk kelihatan lebih gagah.

Manakala fesyen berkait rapat dengan kepelbagaian dari masa ke masa dan mempunyai fungsi untuk tujuan tertentu, seperti iklim dan keperluan pada masa tertentu, dengan pelbagai implikasi terhadap produk, gaya, bahan dan warna (Saviolo & Testa, 2002). Definisinya adalah bergantung kepada persekitaran dan faktor kemanusiaan, seperti iklim, keperibadian, demografi, psikografik, agama dan juga sebagainya.

Fesyen juga adalah penting sebagai salah satu cara untuk ekspretasi gaya peribadi, personaliti, dan juga ekspresi perasaan. Ini kerana, dibawah sedar, ianya juga merupakan identiti sosial yang boleh berkomunikasi, melambangkan bidang profesional dan status, jantina, seksualiti, komitmen dalam politik, agama dan kepercayaan moral, dan mempunyai nilai estetika (Saviolo & Testa, 2002). Fesyen adalah sesuatu tanpa kesudahan, dan mampu merentasi pelbagai batasan. Oleh kerana itu, kajian tentang fesyen, juga melibatkan keterlusan dan luahan kesenian dengan pelbagai cara (Kaiser, 2013).

Pada asasnya, fesyen memerlukan "*trend*", dan terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kandungan tertentu dalam "*trend*" fesyen seperti ekonomi dan politik, budaya dan demografi (Saviolo & Testa, 2002). Gaya di dalam fesyen akan melalui proses pengulangan, dikenali sebagai kitaran fesyen yang juga berdasarkan demografi dunia (Saviolo & Testa, 2002). Kitaran fesyen adalah suatu proses yang tidak berkesudahan (Venkatesh, et al. 2010). Jelas sekali, gaya mencerminkan sensitiviti dan keperluan sosial yang tidak akan menerima sesuatu fesyen tanpa sebarang sebab, tetapi tidak pula menolak sebarang tawaran yang ditawarkan olehnya (Saviolo & Testa, 2002).

Nazlina Shaari, Fumio Terauchi, Mitsonori Kubo dan Hiroyuki Aoki (2001) telah memperkenalkan satu rangka kerja untuk mengenal pasti spesifikasi yang lebih baik untuk Baju Kurung dan Baju Kebaya. Mereka mendapati bahawa gaya yang paling diterima dalam pakaian telah berubah dengan cepat dengan adanya pelbagai pilihan fabrik dalam industri tekstil. Pada tahun 2002 mereka juga mendapati bahawa penggunaan Model *Kansei* iaitu rangsangan dalam pakaian tradisional boleh membantu para pereka untuk menghasilkan rekaan pakaian berdasarkan keperluan pengguna. Menerusi kajian yang telah dijalankan, mereka berpendapat bahawa pelbagai faktor dari segi fisiologi dan psikologi yang perlu menjadi sebahagian dalam penyelidikan masa depan untuk mewujudkan variasi di antara permintaan bagi produk yang dikehendaki (Nazlina Shaari, Fumio Terauchi, Mitsonori Kubo & Hiroyuki Aoki (2002).

Pakai Patut Melayu yang ditulis oleh Mejar Dato' Haji Mohd. Said b. Haji Sulaiman (1931), mengandungi maklumat yang hampir lengkap sepenuhnya berkaitan pakaian Melayu dalam masyarakat Melayu di seluruh Kesultanan Johor pada pertengahan tahun 1800-an hingga 1900-an. Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa kajian yang selanjutnya pada Baju Kurung ialah dengan menganalisa punca dan kesan transformasi untuk Baju Kurung atau mana-mana pakaian tradisional yang lain di dalam budaya Melayu (Asliza Aris, 2014).

Dalam masyarakat tradisional, pakaian mempunyai fungsi utama untuk menentukan status, identiti atau kedudukan sosial sesebuah suku kaum dalam masyarakat. Ini berbeza dengan konsep fesyen yang moden, tetapi masih berfungsi sebagai 'wacana ataupun rujukan sosial' (Hamilton, 2011).

Di Malaysia rupabentuk pakaian bukan sahaja sebagai objek material dalam seni rupa Melayu tetapi kini, fesyen pakaian menjadi salah satu tulang belakang pertumbuhan industri di



Malaysia. Pengaruh dari negara-negara asing telah merubah pakaian Melayu yang digantikan dengan pakaian yang lebih ringkas di samping perubahan pandangan atau 'world view' orang Melayu itu sendiri (Azah Aziz, 1995). Pakaian dan tekstil Melayu merupakan budaya benda (*material culture*) yang tidak lengkap tanpa kewujudan dan perkembangan fakta berdasarkan sejarah, tetapi perlu diimbangi dengan makna atau simbol, dan nilai seni (Siti Zainon Ismail, 1995).

Dari sudut pandangan Islam oleh Syed Ahmad (1984), "*bentuk adalah zahirnya, keindahan adalah kesempurnaan keadaan yang memberi nikmat kepada jiwa*", yang bermaksud, keindahan pakaian itu bukanlah kerana rekabentuk yang kelihatan cantik tetapi seperti contoh, pembuatannya dari kain sutera yang halus atau juga penggunaan sulaman kilauan benang emas yang telah mencantikkan dan memberi makna kepada si pemakai atau peribadi insan tersebut (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Siti Zainon Ismail, Lokman Mohd. Zen, Othman Mohd. Yatim, 2000).

Manakala, nilai seni rupa Melayu, adalah gambaran alam yang luas yang tidak dinyatakan secara langsung (Syed Ahmad Jamal, 1995), sebaliknya secara kiasan melalui sastera Melayu seperti ungguapan pada syair, gurindam dan pantun (Azah Aziz, 1995). Dengan demikian, memahami tindak tanduk masyarakat manusia dahulu telah menimbulkan kesedaran dan kepekaan untuk masyarakat manusia kini di dalam meneruskan kehidupan dengan lebih sempurna lagi (Rahmah Bujang, Nor Azlin Hamidon, 2008). Dengan kata lainnya juga, tujuan mengkaji masyarakat manusia lampau, adalah untuk masyarakat manusia kini menyedari dan lebih berusaha mengimbangi hidup tanpa mengulangi kesulitan dahulu dengan, mengambil teladan daripada keindahan dan kebaikan untuk kesempurnaan.

Dari sudut kebudayaan, peredaran zaman membawa perubahan, sebilangan perubahan terhadap pakaian dalam budaya dan masyarakat Melayu boleh menceritakan bagaimana perubahan tersebut berlaku. Contohnya, dengan meneliti jenis-jenis tekstil dan pakaian Melayu dapat menerangkan cara hidup dalam budaya Melayu (Rahmah Bujang, Nor Azlin Hamidon, 2008).

KESIMPULAN

Oleh itu, signifikansi kajian ini adalah suatu cadangan memperlihatkan topik yang perlu diketahui secara lebih mendalam bagi melengkapi kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji atau penyelidik sebelumnya. Seterusnya membantu pengkaji yang kini sedang menjalankan penyelidikan khususnya di dalam pakaian Melayu untuk menentukan fesyen pakaian di Malaysia dengan mendedahkan makna dan gaya penampilan sebagai kesan visual yang berkaitan dengan pengaruh nilai budaya, dengan melihat pada tahun sekitar 1945 sehingga tahun 2000. Ini adalah kerana, perubahan rupabentuk fesyen pakaian Melayu adalah di dorong oleh faktor di sekelilingnya dengan tujuan dan makna yang tersendiri. Lanjutan itu, makna juga boleh dikenalpasti dengan pelbagai andaian dan tafsiran melalui konsep paling asas (Lopez, 2001).

Sehubungan dengan ini, analisis kandungan berlatarbelakangkan penulisan pelbagai bidang membantu memperlihatkan hubungkaitan di dalam perubahan fesyen pakaian Melayu yang mempunyai perkaitan di antara pakaian Melayu dengan perkembangan sosio budaya dan masyarakat.

RUJUKAN

Abd. Razak Kamaruddin, Kamarulzaman Kamarudin. (2009). Malaysia Malay



cultural and consumer decision-making styles: an investigation on religious and ethnic dimensions. *Jurnal Kemanusiaan*, Bil.14, 37-50.

Abdul-Hadi Hj. Hasan. (1952). *Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asliza Aris. (2014). *The Evolution and Transformation of Baju Kurung in The Peninsular of Malaysia*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA Malaysia.

Azah Aziz. (1995). Seni Pakaian Melayu di Semenanjung Malaysia. In Ismail Hussein, A. Aziz Deraman, Abd. Rahman Al-Ahmadi (Eds.), *Tamadun Melayu: Jilid Lima* (pp.2022-2034). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azizi Bahauddin. (2002). Contemporary Malaysian Art: An Exploration of the *Songket* Motifs. *Intercultural Communication studies XL: 2*, 21-41.

Bagoes Wiryomartono. (2013). Urbanism, place and culture in the Malay world: The politics of domain from pre-colonial to post colonial era. *City, Culture and Society Journal*, 4, 217-227.

Carolina Lopez C. (2001). The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions. *Sari* 19, 3-33.

Caze, Marguerite La. (2011). A Taste for Fashion. In Wolffendale, J. and Kennett, J. (Ed.), *Fashion philosophy for everyone* (pp.199-214). UK: Blackwell.

Chua Yan Piaw. (2012). *Mastering research methods*. Malaysia: McGraw-Hill.

Creswell, John W. (2009). *Research Design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. (3rd ed.). US: Sage.

Hamilton, A. (2011). The Aesthetics of Design. In Wolffendale, J. and Kennett, J. (Ed.), *Fashion philosophy for everyone* (pp.53-69). UK: Blackwell.

Hanisa Hassan, Binarul Anas Zaman, Imam Santosa. (2013). Identity and Values of Malaysian Muslims among Women and Their Metaphor in Fashion. *Official Conference Proceedings of The Asian Conference on Arts & Humanities*, 421-431.

Hanisa Hassan, Binarul Anas Zaman, Imam Santosa. (2015) .Tolerance of Islam: A Study on Fashion among Modern and Professional Malay Women in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, Vol. 5, No. 5, 454-460.

Kaiser, Susan B. (1990). *The social psychology of clothing: Symbolic appearances in context*. (2nd ed.). US: MacMillan.

Kaiser, Susan B. (2013). *Fashion and cultural studies*. UK: Bloomsbury

Kawamura, Y. (2011). *Doing research in fashion and dress*. New York: Berg.

Lee Yok Fee. (2009). Kajian Tentang Identiti Orang Cina di Malaysia dari Segi Epistemologi: Ulasan. *Sari* 27, 67-83.

Md Azalanshah Md Syed. (2011). Engaging With Modernity: Malay Woman, Non-Western Soap



Opera and Watching Competencies.

https://researchbank.rmit.edu.au/eserv/rmit:11441/md_azalanshah.pdf.

Accessed on 10 November 2002.

Mizushima, Tsukasa. (1992) .Malay Local Society in the Pre-Colonial Period.

Abbreviations: Journal of Indian Archipelago, Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.

Mohd Arof Ishak. (2015). *Tamadun Alam Melayu*. Malaysia: Mohd Arof Ishak.

Nazlina Shaari, Terauchi, F., Kubo, M., Aoki, H. (2001). Kansei Evaluation on Malay

Traditional Clothes: Identification of Traditional Clothes used in Conditional Climate and Situation. Kansei Engineering International, *International Journal of Kansei Engineering*, Vol. 2, No. 4, ppl-8.

Nazlina Shaari, Terauchi, F., Kubo, M., Aoki, H. (2002). Recognizing Female's

Sensibility in Assessing Traditional Clothes. *Journal of the 6th Asian Design*, 1-33, 263-8522.

Nazlina Shaari, Terauchi, F., Kubo, M., Aoki, H. (2002). Retrospective Survey on

Malay Traditional Clothes: Types of Clothes used in Societal Activities by Malay Females. *The Science of Design Journal-Bulletin of JSSD*, Vol. 48. No.6, p. 125-134

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Siti Zainon Ismail, Lokman Mohd. Zen, Othman Mohd.

Yatim. (2000). Kesenian Melayu: Roh Islam dalam penciptaan. In Mohd Taib Osman, A. Aziz Deraman (Eds.). *Tamadun Islam di Malaysia* (pp.287-337). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahmah Bujang, Nor Azlin Hamidon. (2008). *Kesenian Melayu*. Malaysia: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya Kuala Lumpur

Saemah Yusuf. (2014). *Malaysia Tekat as a Malaysian Heritage: A Study of Motif,*

Form and Meaning. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA Malaysia.

Samsudin A. Rahim, Latiffah Pawanteh. (2010). The local content industry and cultural

identity in Malaysia. *Journal of Media and Communication Studies*, Vol. 2(10), 215-220.

Saviolo, S. & Testa, S. (2002). *Strategic management in the fashion companies*. Milano: Etas.

Scardi, G. (2010). The Sence of Our Time. In Coppard, A. (Ed.), *Aware Art Fashion*

Identity (pp. 13-23). Italy: Damiani editore publisher.

Siti Zainon Ismail. (2006). *Pakaian Cara Melayu*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Zainon Ismail. (1995). Tekstil Melayu: Fungsi, simbol dan keindahan. In Ismail Hussein, A.

Aziz Deraman, Abd. Rahman Al-Ahmadi (Eds.), *Tamadun Melayu: Jilid Lima* (pp.2035-2055). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suraini Mohd Rhouse. (2013). *Values and Identities of Women Entrepreneurs: A Study of Muslim Women of Malay Ethnicity in Malaysia*: The University of Waikato.

Syadiyah Abdul Shukor. (2013). Exploring Malaysian Muslim Women Clothing Consumption. *Paper Proceeding of the 5th Islamic Economics System*



Conference (iECONS 2013), 1087-1092.

- Syed Ahmad Jamal. (1995). Ettetika Seni Rupa Melayu. In Ismail Hussein, A. Aziz Deraman, Abd. Rahman Al-Ahmadi (Eds.), *Tamadun Melayu: Jilid Lima* (pp.2010-2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Venkatesh, A., Joy, A., F.Sherry Jr., J., Deschenes, J. (2010). The aesthetics of luxury fashion, body and identify formation. *Journal of Consumer Psychology*, 20, 459-470.
- Wolffendale, J. and Kennett, J. (2011). *Fashion philosophy for everyone*. UK: Blackwell.